

## Tahap Kesediaan Guru Pelatih ke Alam Pekerjaan bagi Setiap Elemen dalam Kemahiran Generik

*The Level of Readiness of Trainee Teachers to the Nature of Work for Each Element in  
Generic Skills*

**Nurin Jazlin Ahmad Azmi, Siti Nur Akmar Mohd Yazid\***

Jabatan Kimia, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [snakmar@fsmt.upsi.edu.my](mailto:snakmar@fsmt.upsi.edu.my)

**Received:** 15 November 2024; **Accepted:** 10 May 2025; **Published:** 28 May 2025

**To cite this article (APA):** Ahmad Azmi, N. J. ., & Mohd Yazid, S. N. A. . (2025). Tahap Kesediaan Guru Pelatih ke Alam Pekerjaan bagi Setiap Elemen dalam Kemahiran Generik. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 141-144. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.14.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.14.2025>

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Kimia di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke alam pekerjaan dari aspek kemahiran generik meliputi kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, menyelesaikan masalah serta etika dan profesional. Seramai 155 orang guru pelatih ISMP Kimia telah mengambil bahagian dalam kajian ini menerusi teknik pensampelan rawak mudah. Reka bentuk kajian adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi menilai min serta sisihan piawai bagi kelima-lima elemen kemahiran generik. Kaedah analisis data statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* edisi 29. Hasil kajian menunjukkan kelima-lima aspek kemahiran generik guru pelatih ISMP Kimia berada pada tahap sederhana tinggi dari aspek kemahiran komunikasi (min = 3.73), kepimpinan (min = 4.02), kerja berkumpulan (min = 3.07), menyelesaikan masalah (min = 3.87) serta etika dan profesional (min = 3.27). Implikasinya, kajian ini berguna kepada pihak universiti dalam usaha memastikan graduan ISMP Kimia UPSI bukan sahaja bersedia dari segi pengetahuan malah dilengkapi dengan kemahiran generik yang diperlukan dalam alam pekerjaan.

**Kata kunci:** tinjauan, tahap kesediaan, kemahiran generik, guru pelatih, alam pekerjaan

### ABSTRACT

*This study was conducted to identify the level of readiness of trainee teacher of Bachelor of Education (B.Edu.) in Chemistry at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) in to nature of work in terms of generic skills including communication, leadership, teamwork, problem-solving also work and professional skills. A total of 155 of B.Edu. Chemistry trainee teachers participated in this study through a simple random sampling technique. The research design is in the form of a survey using a quantitative approach through a questionnaire instrument. The data was analyzed using descriptive statistic to evaluate the mean and standard deviation for all five elements of generic skills. Methods for descriptive statistical data analysis used *Statistical Package for Social Science (SPSS)* version 29. The findings of the study showed that the B.Edu. Chemistry trainee teachers were ready to enter the world of work in terms of communication (mean = 3.73), leadership (mean = 4.02), teamwork (mean = 3.07), problem-solving (mean = 3.87), also ethics and professional skills (mean = 3.27). The implications are, this study is useful*

*to the university in efforts to ensure that graduates of the B.Edu Chemistry program at UPSI are not only prepared in terms of knowledge, but are also equipped with the generic skills required in the world of work.*

**Keywords:** *survey, level of readiness, generic skills, trainee teachers, nature of work*

## **PENGENALAN**

Perkembangan teknologi kini telah mengubah persepsi mata dunia terhadap kebolehpasaran graduan dalam melayakkan diri ke alam pekerjaan sebenar, lantaran saingan yang sangat hebat dalam menempatkan diri dalam sebuah sektor pekerjaan. Menurut Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021 - 2030, matlamat utama revolusi ini adalah untuk mengukuhkan dan memperkuat asas Sains Teknologi dan Inovasi (STI) dengan memberi tumpuan kepada pembaharuan dan peningkatan institusi pendidikan menerusi penyediaan latihan dan kemajuan kerjaya untuk pelajar-pelajar. Dalam usaha ini, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mewajibkan semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Kimia menjalani latihan mengajar selama lapan minggu dalam dua sesi, bagi memberikan pendedahan dan pengalaman berguna sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

Menurut Utusan Malaysia (2023), status pencapaian kebolehpasaran bagi graduan dari semua universiti awam pada tahun lalu mencecah 92.8 peratus manakala graduan institusi pendidikan swasta adalah 85.8 peratus. Majoriti graduan gagal menempatkan diri adalah kerana tidak mempunyai kemahiran untuk membawa diri dalam dunia realiti atas faktor mementingkan pencapaian akademik semata-mata (Yong Seh Sheh, 2021). Ramai pekerja berkelulusan dari universiti tempatan sangat pakar dalam kerjayanya tetapi tidak memiliki kemahiran generik yang berkualiti.

Kemahiran generik merujuk kepada satu set kemahiran, pengetahuan, kefahaman dan sifat peribadi yang membolehkan seseorang lebih cenderung untuk memilih dan mendapatkan pekerjaan yang memuaskan hati mereka, serta berjaya dalam kerjaya yang dipilih (Azman et. al, 2023). Dalam konteks kajian ini, kemahiran generik merujuk kepada set kemahiran yang dapat meningkatkan tahap kesiapan ke alam pekerjaan sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dalam usaha menceburi sesuatu kerjaya. Kemahiran generik bukan sahaja kebolehan yang teknikal, malahan perlu dimiliki oleh seseorang guru pelatih bagi mendapat tempat dalam pasaran kerja. Oleh itu, kemahiran yang dikaji dalam kajian ini adalah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, menyelesaikan masalah serta etika dan profesional.

## **METODOLOGI**

### ***Reka bentuk kajian***

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif, iaitu pelaksanaan kajian tinjauan melalui metod soal selidik untuk mengumpulkan data. Reka bentuk yang dipilih memberi maklumat yang membolehkan pengkaji memulakan kajian pembezaan dan menguji hipotesis mengenai tajuk yang dikaji (Creswell, 2012).

### ***Populasi, Sampel Kajian dan Teknik Pensampelan***

Populasi yang dipilih adalah daripada guru pelatih ISMP Kimia semester 6 dan 7 di UPSI. Jumlah keseluruhan guru pelatih semester 6 dan 7 ISMP Kimia adalah 155 orang. Berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang dicadangkan adalah 110 orang. Seramai 30 orang guru pelatih telah dipilih secara rawak bagi menjalankan kajian rintis dan 110 orang guru pelatih telah dipilih bagi menjalankan kajian sebenar. Teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan rawak mudah.

### ***Instrumen kajian***

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dari soal selidik yang telah dibina oleh Muhammad Fakri Abd Razak (2019), Noor Halawati Che Meh & Mas Gueta Aton (2022), Razimah Othman & Syed Muwayat Maqbul Syed Ali (2012) Umaimah Mokhtar (2017) dan Yacop Jantan & Chua, Y. P. (2017). Instrumen yang diedarkan ini telah mendapat kesahan daripada dua orang pakar iaitu pensyarah dari Jabatan Kimia UPSI. Skala Likert lima mata telah digunakan dalam instrumen kajian iaitu yang terdiri daripada (5) yang mewakili “sangat setuju” hingga (1) yang mewakili “sangat tidak setuju” pada setiap item untuk menentukan tahap kemahiran generik.

### ***Analisis data***

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Instrumen kesahan soal selidik dianalisis menggunakan peratus persetujuan pakar yang dikemukakan oleh Jamaludin Ahmad (2004). Peratus persetujuan kedua-dua pakar menunjukkan instrumen yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sebanyak 98.61%. Manakala kebolehpercayaan item soal selidik yang dijalankan semasa kajian rintis dianalisis menggunakan nilai pekali *alpha Cronbach's* yang telah mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima iaitu sebanyak 0.77. Bagi kajian sebenar, analisis deskriptif digunakan bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai untuk setiap item dalam kelima-lima konstruk kemahiran generik berdasarkan skala Likert lima mata. Semua data dianalisis menggunakan SPSS edisi 29.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### ***Tahap kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih***

Jadual 1 menunjukkan purata skor min dan sisihan piawai bagi setiap elemen kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, menyelesaikan masalah serta etika dan profesional. Dapatan analisis menunjukkan bahawa taburan skor min bagi setiap elemen dalam kemahiran generik berada dalam lingkungan 3.07 hingga 4.02 iaitu masing-masing mempunyai tafsiran min yang sederhana tinggi dan tinggi. Hal ini membuktikan bahawa tahap penguasaan kemahiran genetik pelajar daripada aspek kemahiran kepimpinan mempunyai nilai skor min tertinggi sebanyak 4.02 (SP = 0.83) dengan tafsiran min tinggi. Item yang mempunyai nilai min tertinggi dalam konstruk ini ialah item C14 “*Saya mempunyai kemampuan mengenal pasti matlamat kumpulan*” dengan nilai min 4.48 bertafsiran tinggi. Ini menjelaskan bahawa skor min yang tinggi pada sesuatu item soal selidik mencerminkan persepsi positif daripada responden yang cenderung bersetuju dengan item tersebut (Joshi et. al, 2015).

Namun begitu, konstruk kemahiran kerja berkumpulan mempunyai bacaan purata skor min terendah sebanyak 3.07 (SP = 0.77) dengan tafsiran min sederhana tinggi. Item yang mempunyai nilai skor min terendah dalam konstruk ini ialah item D18 “*Saya hanya boleh bekerja dengan ahli kumpulan yang mempunyai latar belakang yang sama*” dengan nilai min 1.55 yang mempunyai tafsiran min yang rendah. Hal ini kerana, item tersebut merupakan item negatif dan skor min yang rendah pada item negatif dalam skala Likert lima mata menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap item tersebut (Pallant, 2016; Nunally & Berstein, 1997).

Secara keseluruhan, purata skor min bagi kelima-lima konstruk kemahiran generik adalah 3.59 menunjukkan konsistensi yang baik kerana berada di antara julat 3.01 hingga 4.00 berdasarkan interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2016) serta Nunally & Berstein (1997). Manakala, purata sisihan piawai = 0.81 yang menunjukkan kurangnya konsensus daripada responden, iaitu responden tidak mencapai kesepakatan bersama dalam memberi respon (Jaya Mathy Subramaniam et al., 2021). Ini bermakna, responden memberikan persepsi yang agak seragam terhadap item dalam kelima-lima konstruk kemahiran generik.

**Jadual 1.** Purata Taburan bagi Skor Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Generik Mengikut Konstruk

Konstruk	Purata Skor Min	Purata Sisihan Piawai
Kemahiran Komunikasi	3.73	0.81
Kemahiran Kepimpinan	4.02	0.83
Kemahiran Kerja Berkumpulan	3.07	0.77
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	3.87	0.80
Kemahiran Etika dan Profesional	3.27	0.82
Jumlah Keseluruhan	3.59	0.81

## KESIMPULAN

Tahap kesiediaan guru pelatih ISMP Kimia UPSI ke alam pekerjaan daripada aspek kemahiran generik adalah berada pada tahap sederhana tinggi yang membuktikan bahawa mereka telah bersedia untuk menempuh persaingan global akan datang. Tiada perbezaan min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kelima-lima aspek kemahiran generik. Ini bermaksud kelima-lima hipotesis nol gagal ditolak.

## RUJUKAN

- Arief Aiman Asrol. (2023, Ogos). Kebolehpasaran graduan UA 92.8%, swasta 85.5%. *Utusan Malaysia*.
- Azman, N., Sirat, M., & Karim, F. (2023). Kemahiran generik dalam kalangan graduan: satu tinjauan literatur. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 45 – 57
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). USA: Pearson Education, Inc.
- Jamaludin Ahmad. (2004). *Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang: UPM
- Jaya Mathy Subramaniam, Rahayu Abdul Wahab & Roslinda Rosli. (2021). Persepsi kemahiran generik dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 63 – 74.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607 – 610.
- Nunally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw Hill Education
- Pallant, J. (2016). *SPSS Survival Manual: A step to step guide to data analysis using SPSS* (6th ed). McGraw Hill Education.
- Yong Seh Sheh. (2021). *Pembangunan model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan pendidikan dan latihan teknikal vokasional bermasalah pendengaran* [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.